



**PROGRAM KESELAMATAN DAN KUALITI MAKANAN  
(FOOD SAFETY AND QUALITY PROGRAMME)**  
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA  
(MINISTRY OF HEALTH MALAYSIA)  
ARAS 4, MENARA PRISMA  
NO. 26, JALAN PERSIARAN PERDANA  
PRESINT 3, 62675 PUTRAJAYA  
WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA

Tel : 603 - 8885 0797  
E-mail : fsq-division@moh.gov.my  
<http://fsq.moh.gov.my>



Ruj Kami: KKM.600-19/8/60 (10)  
Tarikh : 21 Disember 2024

**KINEANALYTIX SERVICES SDN BHD**  
(No. SAMM: 708)  
No. 64A, Jalan 1/2  
Taman Industri Integrasi Rawang  
48000 Gombak  
Selangor


Tuan,

**PENGIKTIRAFAN MAKMAL SWASTA UNTUK PERKHIDMATAN ANALISIS MAKANAN  
BAGI KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA – KINEANALYTIX SERVICES SDN BHD**  
(No. SAMM: 708)

Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Terlebih dahulu Program Keselamatan dan Kualiti Makanan merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada makmal tuan kerana berjaya mengekalkan akreditasi ISO/IEC 17025 yang diperolehi dari Jabatan Standard Malaysia di bawah Skim Akreditasi Makmal Malaysia (SAMM).
3. Sehubungan dengan itu, sukcita dimaklumkan bahawa Program ini mewakili **Kementerian Kesihatan Malaysia bersetuju memberi pengiktirafan** kepada makmal tuan untuk perkhidmatan analisis makanan bagi Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) berkuatkuasa serta-merta bagi tempoh **sehingga 8 Mei 2029** seperti mana tempoh sah laku Sijil Akreditasi ISO/IEC 17025 yang **dikeluarkan pada 27 Disember 2023** seperti yang dikemukakan kepada Program ini. **Skop Analisis yang diiktiraf oleh KKM adalah terhad kepada analisis makanan seperti di Lampiran 1.** Sebarang penarikan balik akreditasi oleh Jabatan Standard Malaysia akan menyebabkan pengiktirafan ini adalah terbatal secara automatik.

(Sila catatkan rujukan surat ini apabila menjawab)



PENGIKTIRAFAN MS ISO 9001:2015  
NO. SIJIL : QMS 02463

**Nombor Permohonan** : MS092100004-1  
**Makmal** : KINEANALYTIX SERVICES SDN BHD  
No. 64A, Jalan 1/2  
Taman Industri Integrasi Rawang  
48000 Gombak  
Selangor  
**No. SAMM** : 708  
**No. Pengiktirafan** : MS092100004-1/1  
**Tempoh Sah Pengiktirafan** : 23 Disember 2024 – 8 Mei 2029

4. Bagi memastikan makmal tuan terus mendapat pengiktirafan oleh KKM, makmal perlu mematuhi syarat-syarat selepas mendapat pengiktirafan seperti di **Lampiran 2**.
5. Sebarang pertanyaan lanjut, boleh menghubungi pegawai Program ini, Puan Khairul Shazrina binti Noh di talian 03-88850797 sambungan 4239 atau e-mel k\_shazrina@moh.gov.my. Kerjasama pihak tuan dalam perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

**“MALAYSIA MADANI”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



(Ts. ZAILINA BINTI ABDUL MAJID)

b.p Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Keselamatan dan Kualiti Makanan)  
Kementerian Kesihatan Malaysia